

25 JUN 1998

AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN MADAGASCAR

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini mengutus perutusan tahniah kepada Presiden Didier Ratsinaka sempena Hari Kebangsaan Republik Madagascar esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Dr Pascal Rakatomaro.

Dr Mahathir berkata sejak hubungan diplomatik dijalinkan antara kedua-dua negara, terdapat perkembangan signifikan dalam hubungan dua hala.

"Saya yakin bahawa berdasarkan aspirasi dan kepentingan bersama, hubungan dua hala kita akan terus diperkukuhkan," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Badawi dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Herizo Jossicher Razafinahaleo pula berharap persahabatan dan kerjasama antara Malaysia dan Madagascar akan terus kukuh untuk manfaat bersama.

-- BERNAMA

HJ NAK